

Dr. Mahathir keluar IJN

Oleh IZWAR ABDUL WAHID

KUALA LUMPUR 14 Nov. - Tun Dr. Mahathir Mohamad dibenarkan pulang dari Institut Jantung Negara pada 5.30 petang hari ini selepas dirawat selama lima hari akibat serangan jantung yang ringan.

Anaknya, Datuk Mukhriz berkata, bapanya sudah dibenarkan pulang selepas doktor berpuas hati dengan tahap kesihatan Tun walaupun beliau masih perlu berehat.

"Saya pun tidak sangka sebab ramalan awal Tun perlu berada satu minggu tapi selepas lima hari sudah boleh keluar," kata-

nya kepada pemberita selepas majlis doa selamat yang diadakan oleh ahli keluarga Dr. Mahathir di sini, hari ini.

Tambahnya, Tun dijangka berehat untuk beberapa minggu lagi sebelum kembali bergiat aktif secara fizikal dan memulakan tugasnya.

Tun juga, katanya, tidak mengalami komplikasi sepanjang dirawat serta telah menjalani ujian biasa di IJN dan semuanya dalam keadaan baik.

Bagaimanapun, katanya, berita berkenaan belum disampaikan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

"Saya sendiri pun baru tahu lewat petang ini bahawa Tun sudah keluar, tetapi Tun tidak akan hadir Perhimpunan Agung UMNO sebab doktor suruh berehat," katanya.

Dr. Mahathir, yang akan mencapai usia 81 tahun bulan depan, dimasukkan ke IJN pada 9 November selepas mengadu sakit dada di rumahnya sekitar 3 pagi.

Beliau dipindahkan ke wad biasa Sabtu lepas.

Sementara itu, Mukhriz berterima kasih kepada perwakilan yang menghadiri majlis doa selamat di sini malam ini bagi mendoakan agar Tun cepat sembuh.